

03 FEB 1997

Bosnia-Pasaran

BOSNIA SEDIA JADI JAMBATAN UNTUK BARANGAN MALAYSIA

Oleh: Zainal Abidin Bujal

SARAJEVO, 3 Feb (Bernama) -- Bosnia-Herzegovina sentiasa bersedia berperanan sebagai jambatan bagi barangan buatan Malaysia dan menjadi pangkalan sesua untuk menembusi pasaran Eropah, kata pengerusi bersama Majlis Menteri negara itu, Dr Haris Silajdzic, hari ini.

Ketika bercakap kepada wartawan Malaysia di sini, beliau berkata : "Ahli-ahli perniagaan Malaysia boleh menggunakan zon perindustrian bebas kita dan menyertai aktiviti-aktiviti seperti pemasangan kereta dan pengeluaran peralatan telekomunikasi."

Beliau berkata peluang bagi ahli-ahli perniagaan berpotensi Malaysia tidak terhad memandangkan Malaysia sentiasa dianggap sebagai rakan karib Bosnia.

"Apa yang kita perlukan di sini ialah lebih banyak infrastruktur seperti jalan raya, telekomunikasi dan sistem kereta api dan kerajaan sedang memperhebatkan usaha untuk terus membangunkan suasana perniagaan umum bagi menarik pelaburan asing," katanya.

Siladzic menegaskan bahawa ahli-ahli perniagaan dan pelabur Malaysia akan diberikan keutamaan khas di negaranya sebagai menghargai bantuan Malaysia semasa di dalam peperangan dan kedamaian.

Bekas perdana menteri itu berkata keadaan Bosnia mungkin tidak berapa baik memandangkan ia sedang melalui tempoh damai selepas mengalami peperangan etnik yang berpanjangan, tetapi Bosnia memerlukan pelaburan asing berterusan terutamanya dari negara-negara sahabat seperti Malaysia, sebagai satu rancangan jangka panjang.

Beliau berkata Malaysia digalakkan melibatkan diri dalam program-program pembinaan semula untuk membina semula rumah dan keperluan lain yang telah musnah semasa peperangan itu.

Beliau berkata Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mempunyai banyak penyokong di sini dan rakyat Bosnia menyanjung tinggi dirinya.

"Jika Malaysia berjaya mengekalkan keamanan dan keharmonian kaum, saya tidak nampak sebarang sebab mengapa kita tidak boleh meminjam kejayaan dan pengalaman Malaysia untuk mewujudkan kestabilan politik dan pertumbuhan ekonomi yang kukuh demi kebaikan rakyat Bosnia," katanya.

Silajdzic berkata rakyat negaranya menghargai sokongan padu Malaysia terhadap perjuangan dan penderitaan mereka serta berharap pemimpin dan rakyat Malaysia akan terus berbuat demikian bagi membantu memulihkan keamanan, meraih kemerdekaan politik beserta pertumbuhan ekonomi dan pengiktirafan masyarakat antarabangsa.

Sementara itu, ketika berucap kepada anggota tentera Malaysia di kem Livna, markas Malcon 3 di Bosnia, Menteri Pertahanan Datuk Syed Hamid Albar mengingatkan mereka supaya menjaga nama baik negara ketika menjalankan tugas di negara Balkan ini.

Katanya setiap anggota Malcon 3 yang mula bertugas di negara ini sejak Disember lepas harus mempamerkan sikap dan semangat profesionalisme yang tinggi dan berlaku adil supaya mereka sentiasa dihormati.

"Sumbangan anggota tentera kita di bawah SFOR (Pasukan Penstabilan) sekarang dan sebelumnya disanjung tinggi oleh masyarakat antarabangsa.

"Oleh demikian, saudara-saudara hendaklah berusaha mempertingkatkan mutu perkhidmatan di samping mengharumkan nama negara," katanya.

Pada upacara itu, Syed Hamid menyerahkan bungkusan kuih raya kepada komander malcon 3, Kol Abdul Aziz Zainal.

Beliau juga meyampaikan bungkusan kuih raya kepada ACP Megat Waris Megat Hashim untuk dibahagi-bahagikan kepada 29 pegawai kanan Polis Diraja Malaysia dan 21 lain-lain pangkat yang berkhidmat dengan Pasukan Petugas Polis Antarabangsa (IPTF). -- BERNAMA

ZAB NAK